

31/01/2003

Beri peluang Pak Lah bentuk pasukan sendiri: Dr Mahathir

Daud Awang; Kadir Dikoh; Misiah Taib

ALOR GAJAH: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam sekali lagi menegaskan semua wakil rakyat termasuk menteri, harus bersedia melepaskan jawatan mereka dalam kerajaan untuk membolehkan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi melantik pasukannya sendiri.

Perdana Menteri, yang akan bersara selepas Oktober ini, berkata timbalannya itu perlu diberi peluang untuk membentuk pasukan dan Kabinetnya sendiri.

"Saya tidak menyuruh semua orang meletak jawatan sekarang, tetapi perlu bersedia mengundur diri pada pilihan raya umum akan datang. Ini kerana mereka harus bersedia memikirkan hakikat bahawa Pak Lah berhak menentukan pasukannya sendiri.

"Siapa yang akan yang dipilih, itu adalah haknya sebagai Perdana Menteri," katanya kepada pemberita selepas merasmikan kilang pengeluaran kereta Honda bernilai RM170 juta di Pegoh, dekat sini.

Abdullah yang juga Timbalan Presiden Umno akan mengambil alih pucuk kepimpinan negara daripada Dr Mahathir selepas sidang puncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Oktober ini.

Sebelum ini beberapa pemimpin Umno dilaporkan sedia berundur secara sukarela dan tidak bertanding pada pilihan raya umum akan datang.

Ahad lalu, sekembalinya daripada lawatan seminggu ke Lubnan, Mesir dan Davos di Switzerland, Dr Mahathir berkata kesediaan beberapa pemimpin Umno untuk tidak bertanding pada pilihan raya akan datang memberi peluang kepada Abdullah 'mengatur semula segala-gala'.

Semalam, ketika ditanya adakah semua wakil rakyat dinasihatkan tidak bertanding pada pilihan raya akan datang, Dr Mahathir berkata: "Itu terpulang kepada mereka. Jika mereka tidak mahu, mereka boleh katakan mereka tidak mahu.

"Tetapi setiap orang harus memberi peluang kepada pemimpin baru (Abdullah) memilih pasukannya sendiri."

Sementara itu, dalam persidangan akhbar selepas mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di Kuala Lumpur, Dr Mahathir menjelaskan bahawa beliau tidak pernah menyuruh sesiapa dalam Umno meletakkan jawatan sekarang.

Presiden Umno itu berkata, media kurang faham dengan dengan maksud kata-kata beliau sebelum ini berhubung isu peletakan jawatan dalam parti.

"Hanya yang saya kata, bila sampai masanya yang mana kepimpinan baru mengambil alih untuk mengadakan pilihan raya, mungkin dia akan gugurkan sesetengah orang.

"Jadi, setiap ahli Umno mestilah rela meletakkan jawatan dan kalau nak dipilih semula, mungkin mereka akan dipilih semula.

"Bukan bermakna yang ada sekarang ini, semuanya akan digugurkan. Kita tak gugur sesiapa semata-mata kerana dia tua atau terlalu lama. Selagi dia boleh buat kerja, kita bagi kerja kat dia," katanya.

Dr Mahathir berharap tidak ada lagi salah faham mengenai perkara itu dan tidak perlu mana-mana pihak membuat kenyataan mahu meletak jawatan dan sebagainya.

"Bila sampai masanya...kita rela kalau kita tak dipilih. Kalau dipilih kita terima, tapi kalau tak dipilih pun kita tetap bekerja untuk menjayakan parti," katanya.

Pada sidang akhbar yang sama, Abdullah mengumumkan bahawa MT bersetuju menubuhkan 107 cawangan baru yang dicadangkan oleh 28 bahagian serta bersetuju menubuhkan dua lagi kelab Umno di luar negara.

